



JKSM /100-24/5 Jld. 4 (15)

29 Jamadilawwal, 1428H/
15 Jun, 2007M


**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri.**

**Arahan Amalan No. 1 Tahun 2007
Perintah Faraid**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28 hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb April 2007M di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie NegeriSeluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan tatacara untuk mendapatkan Perintah Faraid, hendaklah dibuat melalui permohonan dengan disokong oleh affidavit pemohon.

2. Perakuan tentang ahli-ahli waris dan bahagian-bahagian mereka berkaitan Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah akan menjadi Perintah Faraid dan mempunyai kesan sebagaimana perintah-perintah lain.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.


(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA